

## Perodua, KPDNHEP ambil inisiatif banteras produk, alat ganti tiruan

02 Julai 2019 1:47 PM



Sebahagian produk tiruan tersebut hampir tidak boleh dibezakan daripada yang tulen. - Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR** - Syarikat Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), melaksanakan inisiatif untuk mengekang pertumbuhan produk tiruan dan alat ganti dalam pasaran.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn. Bhd., Datuk Zahari Husin berkata, syarikat itu menyedari produk dan alat ganti tiruan menggunakan jenama Perodua di pasaran, sebahagiannya hampir tidak boleh dibezakan daripada yang tulen.

Katanya, produk tiruan tersebut termasuk minyak pelincir, penapis minyak, penyerap kejutan dan pad brek.

"Ini sangat membimbangkan kerana ia merupakan barangan kritikal. Pelanggan boleh terpedaya untuk membeli dan menggunakan barangan tersebut yang belum diuji oleh Perodua dalam kenderaan mereka.

"Selain jaminan tidak jelas, ia boleh mengancam keselamatan dan keadaan kenderaan mereka," katanya.

Semalam, Perodua bersama penganjur dan stokis terpilih memberi taklimat kepada 120 pegawai penguat kuasa KPDNHEP mengenai pelbagai produk dan alat ganti Perodua, lokasi jualan, aliran logistik dan kaedah membezakan barangan tulen dan palsu.

Zahari menggesa orang ramai supaya tidak tertipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab menjual barangan tiruan Perodua, hanya membeli dan menggunakan produk serta alat ganti tulen daripada stokis Perodua yang sah atau daripada mana-mana pusat perkhidmatan Perodua sah di seluruh negara.

"Sebagai alternatif, kami mempunyai pelbagai alat ganti ProGanti yang lebih ekonomikal, telah diuji dan diluluskan oleh Perodua," katanya. - Bernama

